

28/09/2000

Kerajaan timbang beri bonus RM1,000

PUTRAJAYA, Rabu - Kerajaan bersedia menimbang permintaan Cuepacs supaya kakitangan kerajaan diberi bonus minimum RM1,000 atau satu bulan gaji, tahun ini, kata Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan.

Beliau berkata, kesediaan itu dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin kesatuan, di sini hari ini.

"Dr Mahathir menunjukkan reaksi positif dengan cadangan Cuepacs itu dan bersedia menimbangkannya tetapi tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan," katanya selepas pertemuan hampir dua jam setengah itu.

Abdul Rahman berkata, Cuepacs meminta bonus itu berdasarkan tiga asas iaitu ekonomi negara yang bertambah baik, kakitangan awam yang menunjukkan produktiviti yang baik dari semasa ke semasa dan sumbangan kumpulan pertengahan dan rendah yang memerlukan sumber kewangan untuk persekolahan anak-anak mereka.

Abdul Rahman berkata, kemungkinan besar pemberian bonus itu akan diumumkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ketika pembentangan Belanjawan 2001 bulan depan.

Dalam Belanjawan 2000 kakitangan awam menerima bayaran bonus sebanyak sebulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tetapi termasuk bantuan khas kewangan RM600 yang diberikan sejak Julai 1999.

Seramai 150 pegawai tertinggi dan ahli jawatankuasa kerja Cuepacs dan Majlis Bersama Kebangsaan yang diketuai Presidennya N Siva Subramaniam menghadiri pertemuan tertutup itu.

Abdul Rahman berkata, Cuepacs menyerahkan satu memorandum kepada Dr Mahathir yang mengandungi pelbagai cadangan untuk meningkatkan prestasi kerja dan kebajikan kakitangan awam.

Antaranya penarikan balik pembekuan beberapa elaun semasa krisis ekonomi seperti kadar kerja lebih masa, elaun hotel dan elaun perjalanan.

(END)